

13 SEP 2003

Mustapa-Kelantan

LEBIH 50,000 RAKYAT KELANTAN DIJANGKA BERSAMA DR MAHATHIR ISNIN INI

KOTA BAHARU, 13 Sept (Bernama) -- Lebih 50,000 rakyat negeri Kelantan dijangka mendengar amanat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melakukan lawatan kerja sehari ke negeri itu Isnin ini.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed berkata sempena lawatan itu, Perdana Menteri akan menghadiri majlis perasmian Jambatan Sultan Ismail Petra di Tendong dekat sini oleh Sultan Kelantan pada pukul 9.45 pagi.

Selain itu, beliau akan merasmikan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri Kelantan di Sekolah Menengah Tanah Merah (I) di Tanah Merah pada pukul 4.45 petang diikuti dengan menghadiri jamuan makan malam bersama pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam persekutuan di Dewan Putra, Kompleks Sekolah-Sekolah Wakaf Mek Zainab di sini, pukul 8.45 malam.

"Semua (rakyat) kita jemput bukan sahaja anggota Umno tetapi orang Pas kerana mereka juga banyak mendapat faedah daripada perjuangan Dr Mahathir," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan di sini, hari ini.

Mustapa berkata adalah mustahak bagi rakyat Kelantan untuk menemui dan mendengar amanat Dr Mahathir sebelum beliau bersara daripada jawatannya pada Oktober ini.

"Lawatan ini juga penting bagi rakyat Kelantan kerana kita nak menyatakan terima kasih kepada Dr Mahathir terhadap sumbangannya kepada Malaysia dan Kelantan," katanya.

Beliau berkata inilah masanya untuk rakyat Kelantan membuktikan kepada Perdana Menteri bahawa mereka telah mula berpihak kepada Umno.

Oleh kerana pilihan raya umum tidak lama lagi, kedatangan Dr Mahathir yang juga Presiden Umno merupakan satu penghormatan di Kelantan dan sudah pasti mampu melonjak semangat seluruh rakyat khususnya anggota Umno untuk mendirikan sebuah kerajaan negeri yang selari dengan kerajaan pusat.

Kelantan diperintah oleh kerajaan Pas sejak 1990.

-- BERNAMA

BD ROS